

PERBURUHAN DAN MASYARAKAT BUGIS DI SABAH: ANALISIS KAJIAN TERDAHULU

(*Labour and The Bugis Community at Sabah:
Analysis of Previous Studies*)

Abdul Hadi Mohamad Yatim, Mahadirin Hj. Ahmad & Md. Saffie Abd.Rahim

ABSTRAK

Kertas kerja ini merupakan analisis terhadap masyarakat Bugis di Sabah dalam aspek ekonomi berkaitan dengan penglibatan mereka dalam proses perburuhan. Pendekatan yang digunakan adalah dengan menilai kajian-kajian terdahulu yang merangkumi dua tema utama, iaitu kajian khusus Bugis dalam bidang ekonomi dan kajian umum yang melibatkan aspek budaya dan adat resam serta hal-hal lain. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan perkembangan buruh Bugis dalam sektor perladangan di Sabah, yang mana pada fasa seterusnya kajian lanjut dilakukan dengan menemubual individu yang pernah terlibat dalam sektor perladangan di negeri Sabah. Kajian empirikal dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada proses temubual secara mendalam. Analisis terhadap kajian lepas, kaedah kepustakaan dan analisis dokumen digunakan bagi menghasilkan data sokongan berkenaan perkembangan buruh Bugis. Hasil dapatan penyelidik terdahulu, berdasarkan kedatangan buruh Bugis yang disebabkan oleh pembukaan ladang kelapa pada akhir abad ke 19, serta perkembangan pesat industri lanud dan kelapa sawit pada dekad 50an sehingga 80an. Selain itu, kajian-kajian terdahulu juga menerangkan tentang orang Bugis yang merangkumi aspek budaya, ekonomi, dan sosial. Jelasnya, penglibatan mereka dilihat sebagai keperluan ekonomi dan meningkatkan pendapatan negeri berdasarkan industri komoditi.

Kata kunci : Perburuhan, Masyarakat Bugis, Sabah, Sejarah dan Perladangan

ABSTRACT

This paper is an analysis of the Bugis community in Sabah on the economic aspects related to their involvement in the labor process. The approach used is by evaluating previous studies that cover two main themes, namely Bugis specialization in economics and general studies involving aspects of culture and customs and other matters. The objective of this study was to look at the growth of workers in the plantation sectors in Sabah, where this study interviewed those who were previously involved in the plantation sector in Sabah, empirically conducted in a qualitative manner focusing on in-depth interviews. Library methods and document analysis were also used to supplement the data on the development of Bugis workers from previous research points. Their findings are based on the development and opening of the coconut farms in the late 19th century and the rapid growth of the Abaca and palm oil industries in the 50s to 80s. Studies on Bugis include themes such as cultural, economic, and

social. Their involvement is primarily for economic purposes and increasing state income based on the commodity industry.

Keyword: Labour, Bugis community, Sabah History, plantation

PENGENALAN

Sabah adalah salah satu negeri dalam Malaysia dan Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Negeri Sarawak. Sabah dikenali sebagai negeri yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan suku kaum antaranya ialah KadazanDusun, Murut, Tidong, Bajau serta Bugis. Kepelbagaian yang dimiliki oleh sesebuah etnik atau suku kaum justeru telah menjadikan Sabah sebagai Negeri yang unik dan kaya dengan latar belakang seni budaya yang unik. Suku kaum Bugis merupakan salah satu etnik yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Masyarakat Bugis atau To ugi berasal daripada sebuah kepulauan di sebelah Nusantara iaitu kepulauan Sulawesi khususnya Sulawesi Selatan yang mana terdiri daripada 4 kaum utama iaitu Mandar, Makassar, Toraja dan Bugis. Terdapat 13 sub etnik di Sulawesi Selatan iaitu; Bone, Pinrang, Luwuk atau palopo, Barru, Sinjai, Soppeng, Wajo, Selayar, Rappang, Pare-Pare, Enrekang dan Durri. Dalam masyarakat Bugis, berlayar atau merantau merupakan satu tradisi dalam kehidupan mereka. Etnik Bugis terkenal sebagai masyarakat yang terlibat dalam aktiviti pelayaran sehingga dicatatkan telah berlayar ke sebelah Lautan Hindi iaitu Madagascar. Kedatangan masyarakat Bugis pada abad ke-17 dan awal abad ke-18 ke Sumbawa Lombok, Bali, Sumatera, Jawa, Indragiri Riau dan Borneo dalam jumlah yang banyak, keadaan ini telah menjadikan populasi etnik Bugis berada di pelosok Asia Tenggara. Kegiatan penghijrahan masyarakat Bugis turut terdorong melalui aspek ekonomi, politik dan sosial.

Kepulauan Borneo merupakan salah satu penempatan masyarakat Bugis secara khususnya negeri Sabah. Majoriti Masyarakat Bugis yang ada di negeri Sabah menetap di kawasan Pantai Timur Sabah iaitu daerah Tawau. Selain itu, sebahagian masyarakat etnik Bugis juga menetap di daerah-daerah lain seperti di Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Sandakan, Beluran dan Semporna. Masyarakat Bugis menjalankan kegiatan ekonomi seperti pertanian, perladangan, perniagaan kecil dan sederhana, malahan ada antara mereka berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan swasta serta terlibat dalam bidang politik.

Penghijrahan dan Migrasi orang Bugis ke Sabah

Pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, (SBBUB) di Sabah telah merancakkan lagi kemasukan Etnik Bugis di Sabah. Semasa pemerintahan SBBUB di Sabah permintaan kelapa mendapat sambutan yang tinggi dalam pasaran dunia, keadaan ini telah mendorong pihak SBBUB untuk menggalakkan para bangsawan dan migran kaya Bugis membuka kawasan-kawasan perladangan bagi memenuhi keperluan pasaran dunia. Kemasukan migran kaya yang dipercayai berasal daripada etnik Bugis seperti Penghulu Puado, Haji Kuning, Daeng Mapata, dan Pengeran Setia telah berhijrah dan membuka ladang-ladang kelapa di kawasan sekitar Sabah termasuk daerah Tawau. Usaha pembukaan ladang kelapa ini dilakukan atas galakan daripada pihak pemerintah pada ketika itu.

Selain itu, SBBUB juga turut mengalakkan masyarakat tempatan untuk membuka ladang-ladang kelapa di Sabah. Kee Abdullah berasal daripada Labuan yang merupakan

penduduk tempatan dan telah berpindah ke daerah Tawau untuk membuka ladang kelapa di Sabah. Pembukaan ladang kelapa milik Kee Abdullah terletak di kawasan Tawau lama dan Tanjung Batu Tawau. Pembukaan ladang kelapa secara besar-besaran, secara langsung telah mendorong kemasukan buruh etnik Bugis ke Sabah khususnya ke daerah Tawau. Buruh Bugis yang memasuki daerah Tawau telah dibawa masuk secara langsung oleh peniaga dan pengusaha kelapa bagi memenuhi keperluan buruh di ladang-ladang mereka. Kemasukan dan penghijrahan buruh Bugis ke daerah Tawau telah melalui proses asimilasi budaya dan etnik sehingga etnik Bugis telah dikenali sebagai melayu Tawau yang pada asalnya berketurunan Bugis.

Selepas perang dunia kedua pada tahun 1945, industri lanud atau abaka antara industri yang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. SBBUB telah membuka ladang 4,951 hektar bagi memenuhi keperluan permintaan Lanud di Sabah. Oleh itu, tenaga buruh diperlukan dalam jumlah yang banyak bagi memenuhi keperluan pasaran. Hal ini menyebabkan berlakunya penghijrahan masyarakat Bugis sekitar tahun 1945, bagi memenuhi keperluan buruh di Sabah. Pembukaan Ladang *British Abaca Limited* atau BAL telah mendorong kemasukan secara besar-besaran tenaga buruh sebanyak 3,500 tenaga buruh asing yang majoriti di monopoli oleh Etnik Bugis. Kemasukan buruh bertambah pada tahun 1961 sebanyak 4,000 tenaga buruh diperlukan oleh Ladang BAL. Keadaan ini telah merancakkan lagi kemasukan tenaga buruh Bugis di Borneo utara.

Penggabungan Borneo Utara dalam Malaysia pada tahun 1963, telah meningkatkan lagi ekonomi negara khususnya Sabah. Peningkatan ekonomi negara dapat dilihat melalui pertambahan ladang-ladang Kelapa Sawit di Malaysia secara umumnya bagi memenuhi pasaran global. Perkembangan industri Kelapa Sawit di Sabah pada zaman pemerintahan Tun Datu Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah telah mengalakkan lagi pembukaan ladang-ladang Kelapa Sawit. Penanaman Kelapa Sawit di Sabah bermula di kawasan yang dikenali sebagai ladang Mostyn yang diusahakan oleh syarikat BAL yang beroperasi di Tawau. Dengan perkembangan pesat industri Kelapa Sawit ini telah menyebabkan berlakunya migrasi buruh dalam skala yang besar. Selain itu, kemasukan tenaga buruh di Sabah turut didorong oleh pemerintahan kerajaan negeri Sabah sendiri melalui penubuhan Yayasan Sabah.

Selain itu, perubahan permintaan pasaran dunia terhadap perladangan berasaskan penanaman koko telah mendorong Malaysia untuk memperluaskan lagi sektor perladangan dengan penanaman koko. Perubahan permintaan pasaran dunia telah mengakibatkan keperluan buruh yang lebih banyak. Keadaan ini telah melonjakkan lagi pertambahan dan perkembangan Migrasi buruh khususnya masyarakat Bugis di Sabah. Kemasukan etnik Bugis di Sabah telah meningkatkan populasi kaum dan bangsa yang ada di Sabah. Ini jelas dibuktikan dalam statistik Jadual 1 Perkembangan masyarakat Bugis di Sabah;

Jadual 1: Perkembangan masyarakat Bugis di Sabah

Tahun	Masyarakat Bugis	Penduduk Sabah
1891	2,323	67,062
1901	3,960	104,151
1911	5,510	214,279
1921	11,223	263,252
1931	10,014	277,476
1951	7,961	334,476
1960	24,784	454,421

1971	70,000	700,000
------	--------	---------

Sumber: Arena Wati (1993) dalam Hassan, Dollah dan Herviani (2015:67)

Berdasarkan jadual di atas, jelas membuktikan pertambahan masyarakat Bugis yang berhijrah ke Sabah telah meningkat setiap tahun. Pada Tahun 1891 seramai 2,323 etnik Bugis yang telah berhijrah ke Sabah. Migrasi masyarakat etnik terus berlaku dan menyebabkan pertambahan seramai 70,000 pada tahun 1971 sekali gus telah menambahkan jumlah penduduk di Sabah daripada 67,062 pada tahun 1891 kepada 700,00 pada tahun 1971. Secara keeluruhannya jadual diatas membuktikan bahawa kedatangan masyarakat Bugis telah menyebabkan Populasi penduduk di Sabah bertambah.

Kepentingan analisis kajian terdahulu terhadap perburuhan dan masyarakat Bugis di Sabah

Dalam menghasilkan sesebuah penyelidikan, salah satu perkara penting yang perlu diketahui ialah berkaitan dengan topik yang ingin dikaji. Beberapa persoalan seperti kepentingan perburuhan masyarakat Bugis sendiri dalam rangka pembinaan dan kemajuan ekonomi negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, penyelidikan berkenaan perburuhan Bugis perlu mengambil kira kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penulis yang terdahulu. Hal ini merupakan perkara penting dalam membantu penghasilan kajian yang tepat dan relevan.

Tindakan tinjauan kajian terdahulu berkaitan buruh Bugis bertujuan agar dapat membantu penyelidik dalam mengenal pasti kajian serta bidang kajian yang ingin dikaji agar penulisan tidak bertindih antara satu penulisan dengan penulisan yang lain. Selain itu, pengkaji akan menemui pembolehubah yang relevan dengan data penyelidikan yang baru dan menggabungkan pelbagai bahan rujukan. Selain itu, objektif analisis kajian terdahulu berkenaan perburuhan dan masyarakat Bugis dapat memahami struktur latar belakang perkembangan Buruh Bugis termasuk migrasi serta impak dalam sudut ekonomi, sosio budaya kepada negeri Sabah.

Melalui pendefinisian perburuhan masyarakat Bugis sendiri tersebut maka penyelidik dapat mengenal pasti dan membezakan perkara-perkara yang telah dikaji dan perkara-perkara yang sedang ingin dikaji. Perkara yang penting ialah pengkaji akan mendapat panduan supaya lebih fokus kepada perkara hendak dikaji terutama berdasarkan kajian lepas yang dapat memberi hala tuju baru kepada kajian yang hendak dilakukan.

Analisis kajian terdahulu berkaitan dengan perburuhan dan masyarakat Bugis di Sabah

Perburuhan dalam kalangan masyarakat Bugis merupakan topik yang sering menjadi tajuk utama kajian. Pelbagai bidang penyelidikan telah dijalankan berkaitan dalam pelbagai sektor pekerjaan di Sabah. Kebanyakkan kajian lebih tertumpu kepada kepenggunaan buruh secara umumnya yang melibatkan pelbagai latar belakang kaum dari segi politik, ekonomi, sosial. Kebanyakkan penulis turut menyentuh kesan positif atau negatif serta impak kepada masyarakat. Namun begitu, kebanyakkan penyelidik tidak menyentuh secara menyeluruh dan mendalam berkenaan dengan perburuhan masyarakat Bugis di Sabah.

Salah satu penyelidik, Ken Goodlet telah menjalankan kajian berkenaan dengan daerah Tawau yang bertajuk *The Making of Tropical Community*. Penyelidik hanya memberi

penjelasan mengenai sejarah asal usul kewujudan daerah Tawau secara umumnya. Penulisan Ken Goodlet turut memperlihatkan perkembangan yang berlaku pada daerah Tawau dalam pelbagai aspek dan hanya dilakukan sehingga tahun 2008 sahaja. Meskipun begitu, Ken Goodlet turut menulis mengenai perkembangan buruh Bugis. Menurut penyelidikan Gen Goodlet, (2010) kebanyakkan buruh Bugis telah diambil bekerja oleh Kee Sulaiman untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam dikawasan tanah yang dimiliki oleh beliau sekitar tahun 1890-an sehingga tahun 1900-an. Selain itu terdapat juga orang Bugis yang bekerja menanam kelapa di bawah selian ketua mereka seperti Puang Ado yang dijadikan Penghulu oleh British selepas mereka diberi tanah untuk dimajukan sebagai kawasan penanaman kelapa di Sungai Imam.

Kajian lain seperti kajian yang dibuat oleh Asmiaty Amat et.,al (2010) yang bertajuk *Bugis Sabah*. Kajian ini membincangkan faktor kedatangan masyarakat Bugis ke daerah Tawau sebelum perang dunia kedua sehingga penubuhan Malaysia. Secara keseluruhannya penyelidik turut membincangkan isu-isu seperti adat istiadat, ekonomi dan sosial mengenai masyarakat Bugis. Namun isu yang dibincangkan adalah terhad dan tidak menyeluruh kerana penyelidik tidak menyentuh isu-isu yang lain seperti imigresen, masalah kewarganegaraan, serta kesan pertambahan buruh asing di Sabah. Walaupun begitu, terdapat isu yang berkaitan dengan tajuk yang sedang dilakukan oleh penulis iaitu berkenaan dengan penglibatan sektor ekonomi dari segi perladangan kelapa. Meskipun maklumat yang diperolehi oleh penyelidik tidak begitu menyeluruh namun sedikit sebanyak telah membantu kajian yang dilaksanakan.

Kajian yang dibuat oleh Kunaseelan A/l Muniandy, (1996) iaitu *Hubungan Malaysia Indonesia*. Dapatan kajian ini berkisar mengenai hubungan di antara Malaysia dengan Indonesia. Kajian ini juga turut membincangkan mengenai pengaruh Kerajaan Bugis dan kaitannya dengan penghijrahan orang-orang Bugis ke Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih banyak membincangkan tentang perperangan dan jajahan takluk serta peluasan kuasa ke negeri-negeri jajahan seperti di Johor-Riau dan kerajaan yang terdapat di Kepulauan Borneo khususnya di Kalimantan seperti kerajaan Kutai dan Sambas. Namun, penulis tidak menyatakan perihal lebih terperinci mengenai perkembangan buruh Bugis dan sosio ekonomi tetapi lebih bersifat diplomatik dan berkaitan dengan era pertengahan iaitu sekitar abad ke 18 dan awal ke 19.

Pengkaji tempatan iaitu Saidatul et.,al (2007), Suraya et.,al (2011) dalam buku kajian; iaitu *Pluraliti dalam kearifan Lokal Di Sabah*. Kajian ini juga menjelaskan mengenai adat istiadat masyarakat di negeri Sabah serta membincangkan mengenai perihal masyarakat Bugis yang kaya dengan adat istiadat dan kepercayaan yang berkaitan dengan perkahwinan sahaja. Namun begitu, penyelidik juga ada menyentuh sedikit mengenai perkembangan buruh Bugis secara ringkas di Sabah khususnya daerah Tawau.

Bagi pengkaji-pengkaji tempatan yang lain seperti Saidatul Noris Hj Mahali, Mohd Sarini Hj Mustajab, Suraya Sintang yang begitu aktif menjalankan kajian berkaitan dengan suku kaum yang terdapat di Sabah. Dalam buku berjudul *Pluraliti etnik dan Budaya di Sabah*. mereka mengupas serta membincangkan tentang asal-usul masyarakat yang terdapat di Negeri Sabah atau di kenali sebagai North Borneo pada era zaman penjajah. Walau bagaimanapun perbincangan tersebut hanyalah berkisar mengenai sistem politik di beberapa buah kawasan seperti penggunaan gelaran Datu dikalangan masyarakat Bajau dan Irranun. Perbincangan dan kajian yang mereka jalankan juga lebih fokus kepada cara hidup, pantang larang nenek moyang, adat istiadat perkahwinan termasuklah makanan dan minuman tradisional sesuatu kaum itu. Walaupun begitu, penyelidik turut menyentuh berkaitan dengan

masyarakat Bugis secara umum dan tidak menyentuh berkaitan dengan perburuhan masyarakat Bugis.

Kajian seterusnya adalah oleh Warren (1981) yang membincangkan tentang perdagangan, masyarakat, konflik, politik dan ekonomi masyarakat Sulu di Kepulauan Melayu khususnya di sebelah Selatan kepulauan Filipina dan kepulauan Borneo bermula tahun 1768 sehingga tahun 1898. Penyelidik juga membincangkan tentang peranan orang Bugis dalam sektor perdagangan pada abad ke-18 sehingga abad ke-19. Penyelidik turut menggunakan pendekatan kualitatif yang mana beliau menggunakan beberapa method lain seperti kaedah kepustakaan khususnya penggunaan bahan bertulis. Walaupun dalam kajian tersebut penyelidik ada menjelaskan mengenai aktiviti perdagangan di sekitar kawasan Kepulauan Sulu dan Kepulauan Borneo serta penglibatan kaum Bugis dalam aktiviti perdagangan. Namun, isu berkaitan dengan sektor pekerjaan penduduk tidak menjadi fokus utama perbincangan dalam kajian ini. Penyelidik hanya memberi penumpuan kepada kegiatan masyarakat Suluk serta penentangan mereka terhadap kehadiran kuasa imperialis seperti Sepanyol dan Amerika Syarikat.

Seorang sejarawan Jepun iaitu Yutaka Shinomoto, (2010) melalui buku *Japanese Immigrants and investments in North Borneo* merupakan seorang penyelidik yang telah membincangkan tentang buruh di daerah Tawau, Sandakan dan Pantai Barat Sabah. Penyelidik turut membuat pendekatan yang hampir sama dengan beberapa penulis lain iaitu kaedah penggunaan kualitatif serta kepustakaan serta menggunakan sedikit sebanyak kaedah kuantitatiff. Namun demikian, fokus utama penulisan hanya tertumpu kepada para imigran Jepun sahaja. Selain itu, penyelidik hanya memberi tumpuan khususnya kepada pemodal-pemodal Jepun yang banyak terlibat dalam pembukaan ladang-ladang komersial seperti kelapa, getah serta lanud. Penglibatan orang-orang Jepun dalam bidang peruncitan dan peranan orang Jepun dalam sektor perikanan juga disentuh dalam penulisannya. Namun demikian, penyelidik tidak memberikan perincian terhadap penglibatan kaum lain yang ada di negeri Sabah dalam aktiviti kegiatan buruh.

Penulis lain yang turut menyentuh tentang kegiatan buruh di North Borneo ialah Danny Wong Tze Ken, (1998). Hasil kajian membincangkan tentang keterlibatan dan pengaruh imigran dari tanah besar China. Dalam penulisannya “*The Transformation of an immigrant society, a study of the Chinese The of Sabah*” banyak menyentuh tentang suku-suku Cina yang dibawa daripada negara China untuk bekerja sebagai buruh di Tanah Melayu dan Borneo Utara. Penyelidik menyatakan bahawa kegiatan buruh Cina di North Borneo telah bermula sebelum pembentukan Syarikat Berpiagam Borneo sehingga selepas Perang Dunia kedua. Danny Wong Tze Ken mempunyai pandangan yang sama seperti Yutaka Shinomoto yang hanya memberi tumpuan kepada imigran Jepun. Hasil penyelidikan Danny Wong Tze Ken juga hanya memberi tumpuan kepada imigran Cina yang telah menceburkan diri dalam pelbagai sektor ekonomi samada sebagai majikan atau pekerja. Namun, dalam penulisan ini penyelidik tidak menyentuh berkenaan buruh Bugis di terdapat di Sabah.

Demikian juga D.S Ranjit Singh (2011), hasil kajian penyelidik berkaitan sistem pentadbiran sebelum bertapaknya Syarikat Berpiagam Borneo Utara pada tahun 1881 yang dikawal oleh masyarakat tempatan dengan gelaran tersendiri seperti Datu-Datu di kawasan Pantai Timur Borneo, Pengiran di Pantai Barat dan Ketua-Ketua Suku yang terdapat ditengah kepulauan Borneo. Pendekatan yang dibuat oleh D.S Ranjit, (2011) dalam mendapatkan data-data penting sama dengan lain-lain iaitu kaedah kualitatif dan kepustakaan. Selain itu, penulis juga menyentuh mengenai sistem pentadbiran yang dibentuk selepas pembentukan Syarikat

Berpiagam Borneo Utara yang memperkenalkan sistem pentadbiran Ketua-ketua anak negeri serta ketua-ketua kaum untuk memberi latihan kepada anak negeri berkenaan cara-cara sistem pentadbiran pada masa itu. Penulis juga turut menyatakan mengenai pentadbiran yang dipelopori oleh orang Bugis diketuai oleh penghulu Puado bersama-sama Kee Abdullah. Namun demikian, penulis lebih cenderung memberi tumpuan kepada perihal institusi politik negeri Sabah dan politik suku kaum. Perincian berkaitan dengan penglibatan penduduk dalam sektor pekerjaan tidak dijelaskan secara menyeluruh.

Suhana, (2013) dalam perbincangan tesisnya berkaitan Perusahaan Arang Batu di Silimpomon, Tawau. Dapatan akhir penyelidikan mengenai kegiatan ekonomi di perlombongan arang batu telah mendorong kemasukan buruh dalam perusahaan perlombongan arang batu di Silimpomon. Pendekatan yang digunakan oleh Suhana ialah pendekatan kepustakaan dalam memperolehi data penting bagi memperkuatkan penulisannya. Tesis ini turut menyentuh kegiatan ekonomi masyarakat Bugis di daerah Tawau contohnya kegiatan perladangan kelapa yang dipelopori oleh Daeng Mapata. Daeng Mapata telah membawa masuk buruh untuk berkerja dalam ladang kelapa di Tawau Lama.

Kajian Herwanto, (2010) iaitu *Sejarah sosial masyarakat Bugis di Sandakan*. Kajian tersebut lebih memfokuskan kepada masyarakat Bugis di daerah Sandakan sahaja dan pendekatan penyelidik ke arah kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual. Selain itu, kajian tersebut lebih kepada adat istiadat dan kebudayaan orang Bugis di daerah Sandakan. Penulis tidak banyak menyentuh mengenai migrasi serta perburuhan dalam kajian ini kerana memberikan fokus yang lebih dalam sektor perburuhan.

Samsuria, (2015) melalui penulisannya iaitu, *Impak Pembangunan Perindustrian terhadap Sosioekonomi Penduduk di Kampung Tanjung Batu Laut, Tawau, Sabah*. Penyelidikan ini menerangkan mengenai impak pembangunan perindustrian terhadap sosioekonomi di kampung Tanjung Batu Laut, Tawau, Sabah. Kajian ini juga lebih kepada kaedah kualitatif melalui pemerhatian dan temubual secara rawak. Penulis hanya menyentuh permulaan perburuhan buruh Bugis yang dibawa masuk oleh Puang Ado ke daerah Tawau untuk dimasukkan ke dalam sektor perladangan kelapa. Namun begitu, kajian penulis lebih tertumpu kepada kesan pembangunan industri di kampung Tanjung Batu Laut di mana tidak hanya tertumpu kepada kaum Bugis sahaja tetapi turut melibatkan suku kaum lain seperti Timor, Banjar, Tidung, Suluk, Bajau, Jawa.

Selain daripada itu, kajian yang dibuat oleh Dayang, (2015) iaitu *Sejarah perkembangan Ekonomi masyarakat Bugis di daerah Kunak 1990an-kini*. Kajian penulis telah menerangkan mengenai perihal kegiatan sosioekonomi yang dijalankan oleh buruh dan masyarakat Bugis di daerah Kunak. Pendekatan yang dilakukan adalah kaedah kualitatif yang menjadi keutamaan pengkaji dalam menghasilkan dan mengutip data-data penting dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji telah melakukan beberapa pendekatan yang lain seperti kaedah kepustakaan. Penulis juga memberikan penjelasan sedikit sebanyak asal usul perburuhan dan masyarakat Bugis yang berkerja di kawasan ladang milik British Abaca Limited di ladang Mostyn di Kunak serta penghijrahan mereka dari kawasan daerah Tawau yang mana kebanyakan mereka berkerja sebagai buruh di kawasan ladang kepunyaan BAL di serta ladang Mostyn pada permulaan tahun 50-an. Penulis hanya menyentuh permulaan penghijrahan buruh dan migrasi orang Bugis di daerah kunak termasuk kegiatan perladangan kelapa yang diketuai oleh daeng mapata, puang ado dan pengeraan seria. Malahan keseluruhan kajian ini lebih tertumpu kepada bidang ekonomi yang diceburi oleh masyarakat Bugis.

Rosjiah, (2015) dalam kajian beliau berkaitan *Perkembangan Ekonomi Berasaskan Pertanian di Daerah Tawau 1963-1985*, menerangkan mengenai perkembangan ekonomi pertanian di daerah Tawau khususnya selepas Sabah menyertai Malaysia iaitu tahun 1963 sehingga 1985. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif dan kepustakaan. Penulis turut menyentuh mengenai pertanian berdasarkan perladangan kelapa yang dipelopori oleh buruh Bugis. Namun, penulishanya membincangkan permulaan perladangan kelapa yang dipelopori pengeran seria dan puang ado sahaja dan tidak menjelaskan dengan lebih terperinci dan mendalam.

Dalam Jurnal penyelidikan Borneo, (2008) dalam *Bab dimensi Ekonomi-Politik pendatang asal Indonesia di Sabah*. kajian yang dilakukan oleh Wan Shawaluddin et.,al (2008) ada mencatatkan perihal buruh Bugis yang dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor perladangan khususnya perladangan kelapa pada 1870-an tetapi tidak dijelaskan dengan lebih terperinci. Kajian ini lebih memfokuskan kepada analisis dimensi ekonomi dan politik Imigran Indonesia di Sabah dan juga penglibatan imigran Indonesia dalam sektor ekonomi Sabah. Kajian ini mempunyai skop kajian yang lebih luas termasuk kegiatan ekonomi gelap walhal pengkaji lebih memfokuskan kepada sektor perladangan. Kajian Wan Shawaluddin et.,al (2008) keseluruhannya bersifat lebih ke arah ekonomi yang melibatkan keseluruhan masyarakat Indonesia yang berhijrah ke Sabah.

Selain itu, kajian penguasaan nelayan Bugis dalam perusahaan Bagang di Pantai timur Sabah yang dihasilkan oleh Mohammad et.,al (2008) mengenai penglibatan buruh Bugis dalam sektor Perikanan khususnya penggunaan kaedah bagang. Penulis hanya memfokuskan kepada industri perikanan sebagai kajian utama dan tidak menyentuh langsung mengenai penglibatan buruh Bugis dalam sektor perladangan. Selain itu, kajian ini hanya melibatkan satu sektor sahaja tanpa melihat sektor ekonomi lain walhal tenaga buruh diperlukan dalam semua sektor ekonomi.

Berdasarkan kepadauraian yang dijelaskan ini, proses dan kemasukan buruh Bugis dalam sektor perladangan di Sabah menunjukkan kecenderungan terhadap perladangan Kelapa Sawit. Tumpuan dan kecenderungan pengkaji-pengkaji lepas adalah pelbagai iaitu melibatkan aspek budaya dan cara hidup buruh Bugis dalam proses perkembangan mereka di Sabah. Sehubungan dengan itu, kajian lebih mendalam perlu dilakukan terhadap pelbagai aspek perburuhan yang mendasari kegiatan buruh Bugis dalam sistem pekerjaan terutamanya dalam sektor perladangan kelapa Lanut dan Kelapa Sawit.

KESIMPULAN

Analisis kajian terdahulu mengenai kemasukan buruh Bugis di Sabah telah menyumbang proses kemajuan negara. Perkembangan sektor perladangan yang berlaku di Sabah telah memberikan kesan langsung kepada peningkatkan ekonomi dan kemajuan sumber kemajuan negeri Sabah. Kemasukan buruh Bugis ke Sabah juga terdorong daripada hasil pemerintahan kerajaan dalam memenuhi kekurangan tenaga buruh di Sabah. Selain itu, Pembangunan Sabah bertambah pesat selepas pembentukan Malaysia telah mendorong Sabah menjadi salah satu negeri ekonomi berdasarkan perladangan di Malaysia.

Kemasukan Buruh Bugis ke daerah Tawau telah menjadikan Tawau sebagai salah satu daerah yang unik akibat daripada asimilasi atau pertembungan budaya yang berlaku dalam sedikit sebanyak telah mengubah corak hidup masyarakat Tawau. Kepentingan analisis yang terdahulu jelas membuktikan kelebihan etnik Bugis dalam ilmu pelayaran dan

menjadi salah satu bangsa yang dikagumi. Selain itu, analisis kajian terdahulu ini dapat mengelakkan persepsi negatif mengenai orang Bugis dan masyarakatnya yang dianggap mulai wujud selepas pembentukan Malaysia tetapi dengan adanya analisis kajian lepas ini akan dapat memberikan penjelasan mengenai penghijrahan dan migrasi Buruh dan masyarakat Bugis telah berlaku sejak awal lagi.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat. (2013). *Bugis Sabah*. Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia & Universiti Malaysia Sabah. Kuala Lumpur.
- D.S Ranjit Singh. (2011). *The making of Sabah 1865-1941, the Dynamics of Indigenous Society*. Third edition. Percetakan Kerajaan Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Danny Wong tze Ken. (1998) *The Transformation of an immigrant society, a study of the Chinese The of Sabah, first edition*, asean academic, University of Michigan, Michigan.
- Dayang Azrina Binti Datu Titing. (2015). *Sejarah perkembangan Ekonomi masyarakat Bugis di daerah Kunak 1990an-kini*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Herwanto Bin Rajjing. (2010), *Sejarah sosial masyarakat Bugis di Sandakan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- James Francis Warren. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898, the dynamics of external trade, slavery and ethnicity of a southeast Asian Maritime state*.National Singapore. Singapura.
- Ken Goodlet. (2010). *Tawau, the making of A Tropical community*. Opus publications. Kota Kinabalu, Sabah.
- Kunaseelan A/l Muniandy. (1996). *Hubungan Malaysia Indonesia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohammad Raduan Mohd Arif dan Mohammad Sharir Mohamad Raduan. (2008). *Penguasaan Nelayan Bugis Dalam perusahaan Bagang Di Pantai Timur Sabah. Jurnal penyelidikan Borneo*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Rosjiah Binti Muhammad Sarif. (2015). *Perkembangan Ekonomi Pertanian Di Tawau, 1963 - 1985*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah
- Saidatul Nornis Haji Mahali (2007). *Pluraliti etnik dan Budaya di Sabah*. University Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2011). *Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. Sabah.
- Samsuria Binti sadude. (2015). *Impak pembangunan perindustrian terhadap sosioekonomi penduduk di kampung tanjung batu laut, Tawau, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, Sabah.
- Suhana Binti Udin. (2014) *Perusahaan Arang Batu di Silimpopon, Tawau, 1905-1932*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Surya Sintang. (2007). *Sejarah Dan Budaya Bugis Di Tawau*, Sabah, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
- Wan Shawaluddin W.Hassan, Zaini Othman dan Marja Azlina Omar. (2008). *Dimensi Ekonomi-politik pendatang Asal Indonesia di Sabah*. Jurnal penyelidikan Borneo. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Wan Shawaluddin Wan Hassan, Ramli Dollah dan Dewi Herviani. (2015). *Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis Dalam Sektor Perladangan Kelapa Sawit Di Sabah*. Jurnal Manu, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu.

Yutaka Shimomoto. (2010). *Japanese immigrants and investment in North Borneo. The Sabah society*. Kota Kinabalu. Sabah. Malaysia.

MAKLUMAT PENULIS

ABDUL HADI BIN MOHAMAD YATIM

Universiti Malaysia Sabah

muktamid@gmail.com

MAHADIRIN HJ. AHMAD

Universiti Malaysia Sabah

muhadir@ums.edu.my

MD. SAFFIE ABD.RAHIM

Universiti Malaysia Sabah

pie@ums.edu.my